

08/09/2000

Polis mungkin guna Knight Rider

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, diperkenalkan kepada beberapa produk masa depan berteknologi tinggi dan canggih, apabila melawat ke Pusat Motorola di Schaumburg, Illinois.

Antaranya termasuk peranti KITT iaitu kereta pencegah jenayah boleh bercakap yang digunakan dalam siri televisyen Knight Rider.

Inovasi itu sekurang-kurangnya mencetuskan idea kepada Perdana Menteri mengenai apa yang harus dibawa untuk dilaksanakan di Malaysia.

Motorola berharap dapat memasarkan kereta peronda pintar yang lengkap dengan ciri berkomputer terbina-dalam itu kepada pasukan Polis DiRaja Malaysia dalam tempoh dua tahun akan datang.

Kereta peronda itu dipasang dengan sistem telematik yang dibangunkan secara kerjasama dengan Jabatan Polis Chicago untuk membolehkan pegawai polis membuat rondaan tanpa pergi ke stesyen.

Lawatan ke Pusat Motorola itu termasuk dalam lawatan PM selama tiga hari ke Chicago.

Ketika lawatannya ke Pusat Motorola, Perdana Menteri diberi taklimat oleh Azmi daripada Motorola dan Paul Mydlach daripada Jabatan Polis mengenai sebuah komputer laptop yang dipasang di dalam sebuah kereta peronda.

Komputer laptop itu membolehkan pegawai peronda mencapai/menerima maklumat mengenai kereta yang diekori atau mengenal pasti penjenayah disyaki dan menganalisis latar belakang pemandu yang disyaki itu.

Motorola turut mendemonstrasikan kegunaan sistem data tanpa wayar yang direka khusus bagi sektor pertanian menggunakan alat pengesan untuk mengambil kiraan masa nyata mengenai kelembapan tanah, suhu tanah, kelajuan/arah angin, suhu perkitaran, angin, kelembapan daun, radiasi solar dan parameter lain.

Dengan sistem serba canggih itu, petani boleh membuat analisis terperinci kawasan tanamannya sama ada mereka perlu menambah air pada tanaman atau bahaya penyakit tanaman yang bakal menyerang.

Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif, Motorola, Robert Galvin turut menegaskan mengenai pendirian dan polisi Motorola untuk terus memberi komitmen kepada Malaysia menerusi pemindahan teknologi dan latihan bagi faedah negara ini.

(END)